

IMPLIKASI KESALAHAN MATRIMONI TERHADAP INSTITUSI KELUARGA

Nur Sarah Tajul Urus

Kulliyyah of Syariah & Laws, International Islamic University Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul
Aman, Malaysia cum Universiti Utara Malaysia Ph.D candidate. Email:
[nursarah.tajulurus@gmail.com/](mailto:nursarah.tajulurus@gmail.com) nursarah@unishams.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini membahaskan implikasi kesalahan matrimoni terhadap institusi keluarga. Kesalahan talak di luar mahkamah dipilih berbanding dua lagi kesalahan lain iaitu perkahwinan bawah umur dan poligami tanpa kebenaran. Ini kerana amalan talak yang dilafazkan bukan di dalam mahkamah adalah bertentangan dengan prosedur undang-undang sedia ada. Isu ini dibangkitkan apabila prosedur permohonan talak yang mesti dilafazkan di dalam mahkamah terus dipersoalkan oleh golongan agamawan dan masyarakat yang bersikap skeptikal terhadap undang-undang keluarga Islam yang berkuatkuasa di negara ini. Objektif artikel ini ialah pertama; mengenal pasti peruntukan undang-undang berkaitan prosedur permohonan talak mengikut pemakaiannya dalam konteks Malaysia serta peranan Unit Khidmat Nasihat di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Keduanya menganalisis implikasi yang boleh dijangkau sekiranya talak dilafazkan bukan di dalam mahkamah dan faktor pemangkin kewujudan gejala ini. Ketiganya kertas kerja ini mencadangkan agar golongan agamawan dan masyarakat haruslah bersifat lebih terbuka di arus globalisasi ini dengan mengambil kira masalah dan kepentingan masyarakat secara amnya. Data dalam kajian ini adalah data kualitatif yang dikumpul melalui analisis dokumen dan temu bual. Manakala penganalisaan data dilakukan dengan mengguna pakai pendekatan deskriptif melalui analisis kandungan. Hasil kajian mendapati wujud impak secara global bagi kesalahan talak yang dilafazkan di luar mahkamah terhadap institusi keluarga. Justeru, artikel ini mengharapkan agar golongan agamawan dan ahli undang-undang dapat bergandingan supaya wujud elemen inovasi dan mengurangkan kadar salah faham di antara hukum syarak dan perundangan yang sedang berkuatkuasa. Kesedaran dan pemerkasaan pematuhan terhadap undang-undang perlu dilakukan secara kolektif agar undang-undang yang sedia ada dapat dipatuhi dengan kefahaman dan kesedaran yang mendalam. Di samping, agar apa yang disampaikan oleh golongan agamawan adalah selari dan tidak bercanggah dengan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Keywords: *Kesalahan Talak di Luar Mahkamah, Undang-Undang Keluarga Islam.*

Pengenalan

Talak yang dilafazkan di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah merupakan satu kesalahan menurut seksyen 125.¹ Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda sebanyak tidak lebih satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Walaupun nilai penalti yang dikenakan adalah rendah tetapi impaknya dari segi status perkahwinan adalah amat menakutkan terutamanya di pihak isteri. Justeru kertas kerja ini akan meneroka dan membincangkan secara mendalam implikasi yang berlaku sekiranya perkara ini tidak difahami secara serius. Seterusnya mengundang penderitaan yang berpanjangan khususnya terhadap mangsa iaitu isteri dan anak-anak. Untuk mengelakkan berlakunya status yang kabur dalam perkahwinan, maka setiap pasangan yang berkahwin perlu mengambil tahu dan memahami peruntukan undang-undang yang ada supaya apa sahaja tindakan dalam perkahwinan adalah mengikut susur galur undang-undang yang betul.

Isu ini dibangkitkan apabila prosedur permohonan talak yang mesti dilafazkan di dalam mahkamah terus dipersoalkan oleh golongan agamawan dan masyarakat yang bersikap skeptikal yang mengatakan ianya tidak mengikut hukum Allah sepertimana terdapat di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Amalan pasangan yang bercerai dengan melafazkan talak bukan di dalam mahkamah merupakan suatu percanggahan dengan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini. Justeru, kertas kerja ini akan mengetengahkan apa sebenarnya yang patut diperhalusi dan difahami oleh masyarakat supaya implikasi perceraian dapat dikawal dan dibendung dengan bijaksana seterusnya mangsa cerai mendapat hak mereka secara adil dan saksama.

Maka, objektif kertas kerja ini ialah yang pertama; mengenal pasti peruntukan undang-undang berkaitan prosedur permohonan talak mengikut pemakaiannya dalam konteks Malaysia dan peranan Unit Khidmat Nasihat di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Keduanya menganalisis implikasi sekiranya talak dilafazkan bukan di dalam mahkamah dan faktor pemangkin kewujudan gejala ini. Ketiganya kertas kerja ini mencadangkan agar golongan agamawan dan masyarakat bersifat lebih terbuka di arus globalisasi ini dengan mengambil kira kepentingan masyarakat secara amnya.

1 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu salah satu kaedah penyelidikan yang menggabungkan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang. Undang-undang telah dibentuk sebagai mekanisme untuk menguruskan hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat. Oleh itu, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dari masyarakat.¹ Kajian ini juga turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang bernilai tinggi. Kaedah perundangan tradisional atau konvensional ini akan melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginter-pretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada (*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan.²

Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti.³ Antara yang termasuk dalam kategori dokumen ialah gambar, potret, keputusan, pengadilan, undang-undang dan peraturan,⁴ otobiografi, surat-surat peribadi, buku catatan harian mahupun akhbar.⁵

Bagi meneliti metodologi penyelidikan impak global kesalahan talak di luar mahkamah terhadap institusi keluarga, kaedah analisis kandungan (*content analysis*) telah dipilih. Kaedah ini memerlukan kepada satu penetapan tema tertentu agar proses analisis selari dengan kandungan teks.⁶ Dalam kajian ini, tema tersebut adalah berkaitan dengan metodologi penyelidikan impak global kesalahan talak di luar mahkamah terhadap institusi keluarga. Analisis kandungan ini pula dilakukan dengan memilih teks yang sesuai berasaskan kepada objektif kajian yang dilakukan. Oleh itu sampel yang digunakan untuk tujuan ini ialah kesalahan talak di luar

1 Rohani Abdul Rahim, *Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan*. Seminar Kemantapan Akademik UKM, 2002.

2Mahdi Zahraa, *Research Methods for Law Postgraduates' Overseas Students*. Univision: Glasgow, 1998.

3 Abdul Halim bin Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1987.

4Imam Barnadib, *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982.

5Koentjaraningrat, (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1986.

6 Muhammad Haji Yusuf, "Hubungan antara Kelompok", dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.

mahkamah yang bersifat semasa dan berimpak global. Terdapat enam langkah bersifat umum yang telah diaplikasi dalam kaedah ini. Langkah-langkah tersebut meliputi langkah mengenalpasti permasalahan kajian, memilih sampel, membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut aturan objektif dan memberi interpretasi hasil kajian.¹

Bentuk kajian lapangan berasaskan temu bual dan rujukan fail kes merupakan salah satu bentuk penyelidikan² yang bersandarkan kepada interaksi sosial dan bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Justeru, kajian ini tertumpu ke arah pengutipan maklumat dan penyelidikan tentang kategori keterangan berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah Darul Aman).³

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Temu bual berstruktur dan tidak berstruktur dengan pihak yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang yang dikaji telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki.⁴ Selain itu, buku dan artikel juga turut dijadikan sebagai bahan rujukan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi kajian ini.

Metode pemerhatian atau pengamatan ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap sesuatu penelitian atau objek yang dikaji.⁵ Kaedah ini adalah signifikan dalam melihat prosedur prosedur dan realiti pelaksanaan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan. Melalui metode ini juga, pemerhatian secara langsung dengan responden atau objek yang menjadi sasaran kajian akan dilakukan untuk mendapatkan rumusan dan kesimpulan yang diperlukan

Prosedur Permohonan Talak

Kontrak perkahwinan adalah bersifat mulia dan keterikatannya adalah sehingga ke akhir hayat bagi pasangan suami dan isteri. Ianya berbeza dengan kontrak sivil yang hanya berkuatkuasa sehingga obligasi perlaksanaannya disempurnakan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.⁶ Namun, jika jodoh telah berakhir setelah semua usaha telah pun dilakukan

1 Syed Arabi Idid, *Analisa Kandungan*, Bangi: Jabatan Komunikasi UKM, 1999.

2 Anwarul Yaqin, *Legal Research Writing*, Malaysia: LexisNexis, 2007.

3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

4 Anwarul Yaqin, *Legal Research Writing*, Malaysia: Lexis Nexis, 2007.

5 Samarudin Rejab & Nazri Abdullah, *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

6 Lee Mei Peng, *Business Law*, Oxford University Press, Selangor, 2011, hlm. 48.

dengan sebaiknya, maka setiap pasangan suami isteri itu terpaksa akur dengan ketentuan takdir di dunia ini. Justeru, apabila kedua-dua pasangan telah berada di garisan penamat ini, mereka perlulah membubarkan perkahwinan tersebut mengikut lunas undang-undang yang betul.

Inilah peranan seksyen 47.¹ Seksyen ini memperuntukkan bahawa bagi seorang suami atau isteri yang hendak bercerai hendaklah membuat permohonan perceraian kepada mahkamah dalam borang yang ditetapkan disertai suatu *iqrar* yang mengandungi perkara berkaitan maklumat perkahwinan, butiran mahkamah yang berbidang kuasa, maklumat terdahulu berkaitan prosiding yang pernah dibuat jika ada, sebab ingin bercerai, maklumat berkaitan usaha yang pernah diambil untuk mencapai perdamaian, hak dan manfaat dijanjikan yang dapat dimanfaatkan oleh isteri dan anak selepas berlaku perceraian dan apa-apa butiran mengenai perintah yang diminta.

Berdasarkan seksyen ini, dapatlah disimpulkan bahawa sebelum talak dilafazkan oleh pihak suami, salah satu pasangan perlu memohon perintah talak daripada pihak mahkamah. Setelah mahkamah menerima permohonan tersebut, pihak kedua akan dipanggil hadir ke mahkamah untuk disiasat sama ada beliau bersetuju atau tidak dengan permohonan perceraian tersebut. Jika pihak satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan mahkamah berpuas hati selepas suatu penyasatan dibuat dengan sewajarnya bahawa perkahwinan tersebut telah mengalami pecah belah dan tidak dapat dipulihkan, maka pihak mahkamah akan menasihatkan suami supaya melafazkan satu talak di hadapan mahkamah.

Kaedah ini menggambarkan bahawa talak yang akan dilafazkan berada dalam keadaan yang terkawal, tenang dan waras. Bukan dalam suasana amarah dan kelam-kabut. Kedua-dua pihak bersetuju dengan talak yang akan dilafazkan dan mahkamah atau hakim menjadi saksi yang paling berautoriti dalam situasi perlafazan talak yang dilakukan.

Peruntukan undang-undang ini sebenarnya selari dengan ayat al-Quran iaitu: Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq, ayat 2:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوِي عَدْلٍ
مِنْكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ

¹Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Maksudnya:

Sebab itu kalau mereka telah sampai kepada waktu yang telah ditentukan, ambillah mereka kembali dengan baik atau ceraikan mereka dengan cara yang baik. Dan persaksikanlah kepada dua orang yang bersifat tulus di antara kamu, dan tegakkanlah kesaksian itu kerana Allah.”¹

Lafaz cerai dengan perkataan *talaq* adalah sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 229 yang berbunyi:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ

Maksudnya:

“Talaq (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk) dan memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik.”

Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam di Peringkat Global

Di Filipina, undang-undang Islam pertama yang diiktiraf dalam sistem perundangan Filipina ialah “*Code of Muslim Personal Law 1977*”, yang menyentuh undang-undang keluarga dan pusaka. Undang-undang ini mula berkuatkuasa pada bulan Oktober 1985.²

Negara Islam yang membuat pembaharuan terhadap undang-undang keluarga Islam supaya sesuai dengan keadaan tempatan, melalui proses perundangan moden, sama ada melalui menerima pakai (adoptasi) pendapat mazhab-mazhab lain atau melalui peraturan-peraturan pentadbiran.

Negara Islam yang termasuk dalam kategori ini ialah Turki (mulai tahun 1917), Mesir (1920-1946), Sudan, Jordan, Syria, Tunisia, Morocco, Algeria, Iraq, Iran dan Pakistan. Pembaharuan yang dilakukan dalam undang-undang keluarga sama ada dari segi ‘substantif’ atau ‘pentadbiran’

¹*al-Quran Al-Karim.*

²Azizan Abdul Razak, *Syariah, Adat and Common Law Amongst the Maranaos of Southern Philippines: An Exploratory and Comparative Study*, Singapore: Asia Foundation, 1991, hlm. 5.

atau kedua-duanya sekali, iaitu dengan menggabungkan satu atau lebih pendapat fuqahak atau gabungan dua atau lebih pendapat tersebut sepertimana terdapat dalam Islam.

Termasuk dalam kategori ini juga ialah negara-negara Islam di Asia Tenggara seperti Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura dan *Ceylon*. Negara-negara ini menggubal Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam tersendiri secara komprehensif, termasuk pengawalan penyalah-gunaan poligami dan perceraian.¹

Implikasi Perceraian dan Faktornya

Perceraian memberi impak terhadap kehidupan semua pihak dalam institusi rumahtangga. Samada di pihak pasangan suami isteri, anak mahupun keluarga di kedua-dua belah pihak. Ke kerapannya melibatkan pasangan tua dan muda menjadi-jadi di kalangan rakyat Malaysia. Di tahap global, pasangan berprofil tinggi seperti Brad Pitt dan Angelina Jolie juga telah menfailkan perceraian mereka walaupun dengan 6 orang anak. Dalam masa 5 tahun, kes perceraian di kalangan pasangan Muslim amat ketara iaitu 43,749 kes pada 2011 kepada 53,870 kes pada 2014, naik sebanyak 10,121 kes.

Perceraian memberi impak terhadap kehidupan semua pihak dalam institusi rumahtangga. Samada di pihak pasangan suami isteri, anak mahupun keluarga di kedua-dua belah pihak. Namun begitu, apa yang terkesan sekali ialah anak yang sedang membesar. Bagaimana anak yang masih mentah hendak menghadapi situasi keluarga yang pincang di usianya masih belum mengenal erti kehidupan.

Pelbagai kesan negatif di hadapi oleh anak yang menghadapi masalah perceraian di dalam keluarganya. Kerana emosi anak kecil yang masih belum stabil. Jika perceraian dihadapi oleh anak yang sudah dewasa atau belia, ini cuma memberikan tempias kepadanya kerana mereka sudah cukup matang dengan erti kehidupan.

Kesan-kesan negatif yang dihadapi oleh anak dalam menghadapi isu perceraian ibu bapa mereka adalah: anak membesar dengan perasaan merendah diri dan murung, memupuk sikap pamarah dan pembuli, hilang

¹Tahir Mahmood, *Family Law Reform in The Muslim World*, Bombay: N. M. Tripathi, hlm. 2-8.

tumpuan dalam pelajaran, kurang pegangan agama, dan mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak bermanfaat.

Pertamanya anak membesar dengan perasaan merendah diri dan murung. Anak membesar dengan perasaan murung dan rendah diri kerana mereka juga berfikir bahawa mereka adalah punca yang menyebabkan penceraian kedua ibu bapanya. Jika punca penceraian adalah masalah kewangan, sudah tentu mereka juga berfikir ini akan menyusahkan kedua ibu bapanya terutama ayahnya untuk memberikan nafkah kepadanya tiap-tiap bulan. Anak membesar dengan sikap kurang keyakinan diri, murung dan pemendam, kerana mereka tiada tempat mengadu.

Keduanya, memupuk sikap pamarah dan pembuli. Anak yang bersikap pemendam tadi akan meluahkan perasaan marahnya terhadap orang lain tetapi dalam bentuk perbuatan. Sebagai contoh, mereka cenderung membuli rakan di sekolah yang lebih lemah dan mudah ditindas. Jika tidak mereka akan mengekspresikan perasaannya dalam perbuatan lain iaitu vandalisme.

Ketiga, hilang tumpuan dalam pelajaran. Anak-anak yang membesar dalam situasi getir ini, mereka hilang tumpuan dalam pelajaran. Anak - anak yang selalu ditekan akibat ibu bapa yang beremosi menyebabkan mereka kehilangan motivasi dan semangat untuk belajar, walaupun mereka berpotensi untuk berjaya. Suasana rumah yang tidak selesa dan tidak tenang menyebabkan anak tiada semangat untuk mengulangkaji pelajaran, lantas prestasi di sekolah merosot.

Keempat, kurang pegangan agama. Anak yang terbiar tanpa perhatian akan menyebabkan pendidikan agamanya menjadi tidak sempurna. Sebagai ibu dan bapa, mereka menggalas tanggungjawab yang penuh dalam mendidik anak-anak dari segi kehidupan lahiriah dan rohani. Apabila ibu bapa mengalami masalah penceraian, anak menjadi tidak terurus pendidikannya kerana ibu bapa fokus terhadap masalah rumahtangga yang dihadapi seperti dan kerap kali mereka harus turun dan naik ke mahkamah atas pelbagai tuntutan yang dibuat semasa penceraian. Atas alasan ini, ibu bapa membiarkan pendidikan agama anak-anak terbiar.

Kelima, mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak bermanfaat. Rentetan daripada pegangan agama yang kurang, anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala tidak sihat seperti merokok, melepak dan ponteng sekolah. Pergaulan bebas boleh terjadi jika anak-anak merasa sunyi tanpa kasih sayang dan belaian ibu bapanya. Apabila pergaulan bebas terjadi, ini akan meningkatkan masalah lain seperti seks bebas, rogol, anak luar nikah dan kes buang bayi.

Selain itu, ibu bapa tunggal juga sibuk mencari nafkah anak sehingga mereka terbiar dan juga kebajikan mereka kurang dijaga. Anak - anak juga merasa bosan dan rimas untuk berada di rumah jika ibu atau ayahnya selalu menekan dan mencari kesalahan anak, akibat ketidak stabilan emosi yang melanda ibu bapanya. Oleh itu, anak lebih suka mencari keseronokan dan di luar bersama kawan yang senasib dengannya.

Namun begitu, jika anak remaja ini kuat dan tabah untuk menghadapi dugaan yang melanda, anak ini akan membesar menjadi orang yang lebih kuat dan tabah. Selain itu, anak remaja akan menjadi lebih berdikari dan tidak mengharap bantuan dari orang lain. Ini juga bergantung terhadap penerimaan anak-anak terhadap masalah yang melanda, jika anak tersebut terus tabah dan positif, mereka akan membesar dengan suasana yang mencabar dan dia amat tabah. Lantas ini boleh menguatkan jati diri anak.

Bagi isteri pula, mereka akan terkesan dari segi hak selepas berlaku perceraian. Jika perceraian tersebut berlaku dengan tidak mengikut prosedur undang-undang seperti talak yang dilafazkan bukan di dalam mahkamah, maka hak mereka menjadi tipis disebabkan masa yang panjang ketika hendak membuat pengesahan talak. Antara hak isteri yang boleh mereka dapat adalah seperti menentukan tarikh iddah, nafkah iddah, rujuk, mut'ah, hadhanah, harta sepencarian, mas kahwin terhutang dan nafkah tertunggak di sepanjang tempoh perkahwinan.¹

Manakala faktor yang menjadikan seorang suami itu tidak mematuhi undang-undang negara ialah kejahilan prosedur undang-undang tetapi celik hukum syarak. Situasi ini amatlah bahaya dan membimbangkan kerana jika talak berlaku bukan di dalam mahkamah, banyak kemungkinan negatif yang boleh berlaku dan implikasi utama adalah terhadap pihak isteri. Misalnya suami enggan mengaku beliau telah melafazkan talak sama ada di hadapan isteri atau tanpa pengetahuannya. Amat menyedihkan lagi apabila tiada saksi yang menyaksikan lafaz talak tersebut dibuat. Perkara ini amat serius kerana ianya menzalimi isteri apabila ketika talak dilafazkan, isteri dalam keadaan haid atau nifas, suci tetapi baru melakukan hubungan suami isteri atau dalam keadaan sedang hamil. Perkara perlu dipandang secara serius kerana untuk memastikan tarikh kiraan iddah yang tepat bermula ketika talak dilafazkan. Dan jika berlaku persetubuhan suami isteri dalam situasi talak telah dilafazkan, timbul isu berkaitan status perkahwinan dan jika hamil dalam tempoh tersebut apakah status anak itu pula?

1 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Negeri Kelantan Darul Naim

Temu bual telah dilakukan bersama Hakim Syarie di Mahkamah Tinggi Syariah di Kota Bharu, Kelantan. Menurut beliau, mahkamah berpegang kaedah Fiqh dalam membuat keputusan iaitu berdasarkan kepada perkara zahir sahaja seperti mana yang dikemukakan semasa pihak-pihak memberi keterangan di dalam mahkamah dan mahkamah tidak mengetahui perkara batin, hanya Allah yang lebih mengetahui. Selain itu, perkara baik yang telah dilaksanakan adalah seperti Cerai *Fast Track* di Selangor dan *I-post* di Terengganu untuk mempercepatkan proses pengesahan perceraian dan boleh diikuti oleh negeri-negeri lain dalam memperkemaskan pengurusan pengesahan talak. Malah, Mahkamah Syariah di negeri Kelantan menyediakan borang khas bagi perceraian taklik dan pengesahan talak yang lebih sistematik dan terperinci. Tujuannya adalah untuk memudahkan orang ramai membuat permohonan secara sendiri tanpa melibatkan peguam yang semestinya akan meningkatkan kos sesuatu kes.

Unit Khidmat Nasihat di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

Sebelum permohonan cerai dikemukakan, pihak suami isteri diminta membuat pengaduan ke Bahagian Khidmat Nasihat atau Rundingcara di Pejabat Agama Islam Daerah untuk diberikan rundingan terlebih dahulu.

Temu bual telah dapat dilakukan bersama dengan seorang pakar yang terlibat secara langsung dalam proses khidmat nasihat dan rundingcara di Unit Khidmat Nasihat, Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual ini dilakukan secara rawak dengan memilih negeri Kelantan Darul Naim sebagai sebuah negeri yang proaktif dan terkehadapan dalam mengurus tadbir perkara berkaitan proses khidmat nasihat dan rundingcara. Selain itu mereka mempunyai sistem akses secara dalam talian yang terkini dan lebih sistematik. Negeri lain yang turut mengikuti jejak sistem ini adalah negeri Terengganu dan Pulau Pinang.

Temu bual ini telah dilakukan bersama dengan Puan Rohani binti Mohd Noor selaku Penolong Pengarah Kanan (Khidmat Nasihat), Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Antara input yang diperolehi daripada proses temu bual ini ialah di negeri Kelantan, banyak aktiviti mesra masyarakat sering diadakan bagi mendekatkan masyarakat dan pejabat agama negeri Kelantan. Antara program yang diadakan seperti ceramah bulanan dengan memilih tajuk yang dekat dengan masyarakat seperti maal hijrah, awal Muharram, perkara berkaitan keharmonian rumah tangga dan

sebagainya. Hal ini menjadikan unit rundingcara dan khidmat nasihat menjadi pusat sehati yang menjadi rujukan masyarakat setempat. Mereka tidak lagi kekok, malu atau tidak tahu ke mana mereka harus tujui jika mengalami kesulitan berkaitan rumahtangga. Masyarakat yang datang terlebih dahulu akan diberi borang khas yang sangat terperinci untuk diisi seterusnya akan disaring melalui aras masalah yang mereka alami. Langkah ini menjadikan kes tersebut dapat diselesaikan dengan merungkai permasalahan utama dengan lebih cepat, cekap dan mesra.

Dapatan Kajian dan Analisis

Hasil kajian mendapati wujud implikasi yang serius ke atas anak-anak dan isteri bagi kesalahan talak yang dilafazkan di luar mahkamah terhadap institusi keluarga. Fenomena ini perlu dibendung dan dikawal dengan sebaiknya agar masyarakat hidup dalam suasana yang lebih harmoni dan bertolak ansur. Kesan yang buruk yang berlaku pada hari ini boleh menyebabkan sikap mereka boleh berubah ke arah negatif di masa hadapan dan mereka terpaksa menanggung beban tersebut sendirian walaupun asalnya bukan mereka penyebab berlaku keadaan sedemikian. Justeru, artikel ini mengharap agar golongan agamawan dan ahli undang-undang dapat bergandingan membantu masyarakat yang berada dalam situasi ini seterusnya menarik mereka keluar dari belenggu yang tidak berkesudahannya. Gandingan ini juga dapat mewujudkan elemen inovasi di antara hukum syarak dan perundangan yang sedang berkuatkuasa. Kesedaran dan pemerkasaan pematuhan terhadap undang-undang perlu dilakukan secara kolektif agar undang-undang yang sedia ada dapat dipatuhi dengan lebih mendalam dari segi kefahaman dan kesedaran. Di samping, agar apa yang disampaikan oleh golongan agamawan adalah selari dan tidak bercanggah dengan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Cadangan

Pertama, kertas kerja ini mencadangkan agar tadbir urus berkaitan proses perceraian perlu diuruskan dengan baik. Kerjasama di antara pejabat agama dan mahkamah syariah amat perlu bagi memastikan institusi keluarga dapat dipelihara dengan baik.

Kedua, pegawai di pejabat agama perlu diberi kursus latihan yang mencukupi agar mereka menjadi pegawai yang terlatih. Contohnya perlu menghadiri kursus kaunseling dan mediasi standard yang diiktiraf.

Ketiga, mewajibkan prosedur kaunseling sebelum memohon apa-apa permohonan perceraian di mahkamah. Misalan diwajibkan melalui arahan amalan Ketua Hakim Syarie.

Keempat, memperkemaskan lagi modul kursus pra-perkahwinan dengan lebih mendalam dari segi isi kandungan sedia ada dan menambah ilmu pengurusan keluarga jika berlaku perceraian dan bagaimana menangani situasi ini dengan terkawal dan maklumat yang mencukupi.

Kesimpulannya, pihak pejabat agama dan mahkamah syariah perlulah bergandingan sebagai satu pasukan dalam memelihara keutuhan institusi keluarga. Selain itu, mereka juga berperanan dalam melakukan kesedaran dan mendidik masyarakat ke arah sebuah masyarakat yang harmoni dan hidup dalam suasana kedamaian. Golongan agamawan juga boleh menyelitkan ilmu prosedur undang-undang yang betul ketika membicarakan hukum-hakam yang bersangkutan dengan aspek undang-undang supaya apa yang disampaikan tidaklah mengaibkan kumpulan cerdik ilmu fiqah.

Rumusan

Kesimpulannya, kerjasama yang erat di antara golongan agamawan dan ahli undang-undang amat diperlukan dan seharusnya diberi keutamaan agar elemen inovasi di antara hukum syarak dan perundangan yang berkuatkuasa dapat diwujudkan, selari dan tidak bercanggah antara satu sama lain. Kolaborasi ini pasti memberi impak yang signifikan dalam institusi perundangan khususnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan mengurangkan salah faham di kalangan pihak-pihak yang terlibat khususnya dan masyarakat Islam amnya. Gandingan dan pemeraksanaan ini amat perlu supaya kreativiti setiap kelompok masyarakat dapat dicakna dan disesuaikan dengan arus perubahan masa dan keadaan.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

Rohani Abdul Rahim, 2002, *Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan*, Seminar Kemantapan Akademik UKM.

Mahdi Zahraa, 1998, *Research Methods for Law Postgraduates' Overseas Students*, Univision: Glasgow.

Abdul Halim bin Mat Diah, 1987, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Imam Barnadib, 1982, *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.

Koentjaraningrat, (ed.), 1986, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia.

Muhammad Haji Yusuf, 1993, "Hubungan antara Kelompok", dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Syed Arabi Idid, 1999, *Analisa Kandungan*, Bangi: Jabatan Komunikasi UKM, 1999.

Anwarul Yaqin, 2007, *Legal Research Writing*, Malaysia: Lexis Nexis.

Samarudin Rejab & Nazri Abdullah, 1982, *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee Mei Peng, 2011, *Business Law*, Oxford University Press, Selangor.

Azizan Abdul Razak, Syariah, 1991, *Adat and Common Law Amongst the Maranaos of Southern Philippines: An Exploratory and Comparative Study*, Singapore: Asia Foundation.

Tahir Mahmood, *Family Law Reform in The Muslim World, Bombay*, N. M. Tripathi.

Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

Temu bual

Temu bual ini telah dilakukan bersama dengan Puan Rohani binti Mohd Noor selaku Penolong Pengarah Kanan (Khidmat Nasihat), Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Lundang, Kota Bharu, Kelantan.

Hakim Syarie Mahkamah Tinggi II Syariah Kelantan: Y. A. Norhasney Ridhwan bin Hassan.
